

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** **Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]**

**TARIKH :** **18 MAC 2019**

**SOALAN :** **NO. 24**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan setiap keluarga Orang Asli mendapat rumah kediaman yang selesa dengan kemudahan infrastruktur dan prasarana serta setakat manakah penyertaan dan pulangan yang dinikmati oleh masyarakat Orang Asli dalam projek tanaman seperti kelapa sawit dan getah yang diusahakan oleh FELCRA dan RISDA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Usaha menyediakan rumah kediaman yang selesa dengan kemudahan infrastruktur lengkap merupakan antara fokus dan komitmen JAKOA untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Bantuan perumahan di perkampungan Orang Asli dilaksanakan melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang melibatkan bantuan bina baharu rumah dan baik pulih rumah sedia. Rumah yang dibina turut dilengkapi dengan kemudahan asas iaitu bekalan elektrik dan bekalan air namun pelaksanaan bantuan rumah adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh KPLB.

**RUMUSAN PROGRAM PERUMAHAN SEPANJANG RMK-11 (2016-2018) OLEH  
JAKOA**

TAHUN	BINA BARU	KOS (RM)	BAIK PULIH	KOS (RM)	JUMLAH
2016	531	21,240,000	311	3,421,000	24,661,000
2017	90	5,040,000	169	2,080,000	7,120,000
2018	70	3,920,000	180	2,340,000	6,260,000
<b>JUMLAH</b>	<b>691</b>	<b>30,200,000</b>	<b>660</b>	<b>7,841,000</b>	<b>38,041,000</b>

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dalam usaha melonjakkan pembangunan ekonomi yang berdaya maju kepada masyarakat Orang Asli, projek perladangan di bawah Program Tanam Semula Komersial (TSK) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Rancangan Orang Asli (ROA) dengan kerjasama Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah melaksanakan 204 projek berkeluasan keseluruhan 30,545.4 hektar sehingga Jan 2019 dengan pulangan faedah kepada 13,021 peserta Orang Asli yang menerima dividen sebanyak RM350 hingga RM1,000 sebulan bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi. Selain itu, peserta juga diberikan peluang pekerjaan sebagai buruh ladang untuk menambah pendapatan. Sehingga kini juga, sebanyak 34 buah ladang telah diserahkan kepada peserta untuk diuruskan oleh peserta sendiri.

Untuk mengurangkan kebergantungan JAKOA terhadap agensi RISDA dan FELCRA di bawah skop perladangan, JAKOA juga telah memperluaskan Projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) yang diimplementasikan sebagai konsep perladangan dengan upah berinsentif (incentive wage concept) kepada masyarakat Orang asli di bawah B40. Selain daripada insentif, peserta akan dibekalkan dengan latihan secara teori dan praktikal mengenai tanaman komoditi dan mengusahakanya dengan sendiri.

Sekian terima kasih.